

BENGGEL *HANDS-ON* SASARAN KERJA UTAMA (SKU) KE DALAM SUBMODUL MYPERFORMANCE INSTUN TAHUN 2024


Sekyen Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Institut Tanah dan Ukur Negara telah berjaya menganjurkan Bengkel *Hands-On* Sasaran Kerja Utama (SKU) ke Dalam Submodul MyPerformance INSTUN Tahun 2024 pada 26 Jun 2024 di Pusat Kecemerlangan Teknologi Maklumat 1 (PKTM1), INSTUN. Secara keseluruhannya, kursus ini telah disertai oleh seramai 18 orang peserta. Bengkel ini disasarkan kepada Pentadbir SKU Agensi di peringkat bahagian yang telah dilantik di setiap Bahagian.

Objektif kursus ini adalah bagi memastikan proses mengunci masuk Sasaran Kerja Utama (SKU) di peringkat bahagian dapat dilaksanakan dalam usaha menyokong pembangunan Submodul MyPerformance menggantikan Sasaran Kerja Tahunan (SKT), dan bagi memastikan arahan penggunaan MyPerformance bagi penggunaan Modul Pengurusan Prestasi dan LNPT HRMIS tahun penilaian 2024 secara serentak (*dual system*) di INSTUN dapat dilaksanakan pada tahun ini.

Penceramah bengkel ini ialah Puan Amallia binti Mohd Sabry, selaku Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia, INSTUN.



Puan Amallia binti Mohd Sabry, Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia menyampaikan taklimat berkenaan proses mengunci masuk Sasaran Kerja Utama kepada Pentadbir SKU Bahagian.



Pentadbir SKU menyemak dan mengunci masuk sub SKU ke dalam MyPerformance mengikut Bahagian/ Seksyen masing-masing

